

Perkasa sektor teknikal, vokasional

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Kementerian Belia dan Sukan berharap kerajaan akan memberi penekanan kepada usaha memperkasa sektor Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam pembentangan Bajet 2017, Jumaat ini bagi memastikan matlamat melahirkan tenaga kerja memenuhi keperluan industri dapat direalisasikan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin mengakui bahawa pelajar aliran vokasional di negara ini tidak sampai 10 peratus, berbanding negara yang mencapai taraf perindustrian yang melebihi 60 peratus.

Katanya, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan bilangan pelajar dalam sektor teknikal dan vokasional tetapi jumlahnya jauh lebih rendah berbanding negara maju lain.

Tegas Khairy, keperluan untuk memperkukuhkan TVET telah diperakui di kebanyakan negara maju sebagai langkah untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi, seterusnya mengurangkan jurang kemiskinan.

“Contohnya, nisbah pelajar

MENJELANG BAJET 2017



KHAIRY JAMALUDDIN

pendidikan vokasional di Jerman ialah sekitar 60 peratus, Jepun pula 28 peratus dan Taiwan sebanyak 70 peratus.

“Oleh sebab itu, pihak kementerian menawarkan pelbagai kursus vokasional menerusi Institut Latihan Kementerian Belia dan Sukan dengan matlamat mahu menyediakan tenaga kerja dalam bidang teknikal serta vokasional,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Automotif 2016 dan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Chembong, Rembau dengan Assembly Services Sdn. Bhd. dan Kinhook (M) Sdn. Bhd. di sini



Keperluan untuk memperkukuhkan TVET telah diperakui di kebanyakan negara maju sebagai langkah untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi, seterusnya mengurangkan jurang kemiskinan.”

KHAIRY JAMALUDDIN
Menteri Belia dan Sukan

hari ini.

Teks ucapan beliau dibaca Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Lokman Hakim Ali.

Mengulas lanjut, Khairy memberitahu, IKTBN Chembong dipilih sebagai Pusat Kecemerlangan Automotif dan menjadi pusat sumber daripada pelbagai aspek termasuklah kurikulum, pembangunan tenaga pengajar serta pakar, malah bertindak sebagai institut peneraju dalam perkongsian pintar antara kementerian dengan pihak industri automotif.